

28 MAY 1996

Yong-Reaksi

PEMIMPIN BN YAKIN PEMBANGUNAN BERTERUSAN DI BAWAH YONG

KOTA KINABALU, 28 Mei (Bernama) -- Para pemimpin komponen Barisan Nasional (BN) negeri yakin pertukaran pucuk pimpinan negeri ini tidak akan menjejaskan tempo pembangunan yang sedang berjalan rancak sekarang.

Mereka percaya Ketua Menteri baru, Datuk Yong Teck Lee, mampu meneruskan kepimpinan baik yang ditinggalkan Datuk Mohd Salleh Said Keruak, yang melepaskan jawatan Ketua Menteri mengikut sistem penggiliran seperti yang dijanjikan oleh BN menjelang pilihan raya negeri pada 1994.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika itu mengumumkan bahawa jawatan Ketua Menteri akan digilirkan antara tiga kaum terbesar di Sabah -- bumiputera Islam, bumiputera bukan Islam dan Cina, jika BN memenangi pilihan raya itu.

Sekalipun gagal menewaskan Parti Bersatu Sabah (PBS) dalam pilihan raya itu, BN kemudiannya berjaya memegang teraju pemerintahan apabila beberapa orang anggota PBS meninggalkan parti itu untuk menyertai komponen BN atau menubuh parti baru yang kemudian diterima ke dalam BN.

Salleh berkata pertukaran itu hanya membabitkan pucuk pimpinan BN dan bukan pertukaran kepada parti lain di luar BN.

"Oleh itu saya yakin ia tidak akan menjejaskan pembangunan negeri ini kerana pemimpin yang mengambil alih tetap melaksanakan segala dasar yang telah ditetapkan," kata beliau.

Salleh digantikan oleh Presiden Parti Maju Sabah Datuk Yong Teck Lee yang mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Sabah ke-10 di Istana pagi ini, mewakili masyarakat Cina.

Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), Datuk Joseph Kurup berkata beliau yakin Yong akan memberi kesinambungan terhadap dasar yang dibuat oleh Ketua Menteri sebelumnya.

Katanya PBRs akan memberi sokongan sepenuhnya terhadap Ketua Menteri baru dan mengucapkan terima kasih kepada Salleh yang telah meletakkan asas yang kukuh ke arah pembangunan negeri ini.

Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS), Datuk Bernard Dompok berkata perlantikan Yong adalah bukti bahawa Dr Mahathir memenuhi janji pilihan raya dan harus diterima oleh semua rakyat.

Katanya PDS akan memberi kerjasama penuh kepada Yong untuk menentukan kerajaan akan dapat menunaikan janji pembangunan untuk rakyat Sabah.

"Saya tidak nampak akan timbul masalah politik kerana saya fikir Yong akan mendapat sokongan majoriti anggota Dewan Undangan Negeri," katanya.

Presiden Parti Demokratik Liberal (LDP), Datuk Chong Kah Kiat, berkata perlantikan Yong merupakan satu lagi bukti bahawa Perdana Menteri seorang yang berpegang pada janji.

Katanya ini juga satu justifikasi bahawa Dr Mahathir seorang negarawan yang dihormati bukan sahaja di negara ini tetapi juga di luar negara.

Chong, yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata beliau tidak ragu-ragu bahawa Yong mampu meneruskan segala dasar dan melaksanakan pembangunan yang dirancang oleh BN sebelum ini.

Wakil Presiden Akar Bersatu, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia mengucapkan tahniah atas perlantikan Yong dan memberi jaminan bahawa Yong akan mendapat sokongan yang padu daripada partinya.

"Kami akan bekerja sebagai satu pasukan kerana kami juga daripada komponen BN yang memerintah negeri ini dan kita tidak akan dapat membangun jika kita tidak bekerja sebagai satu pasukan," katanya.

Pengerusi MCA Sabah, Datuk Chau Tet On menyatakan rasa sukacitanya

kerana Dr Mahathir telah menepati janjinya kepada rakyat Sabah untuk meneruskan penggiliran jawatan Ketua Menteri.

Rakyat Sabah juga seharusnya berasa gembira dengan perlantikan Yong kerana satu janji semasa pilihan raya dapat ditunaikan.

Bekas Ketua Menteri Datuk Harris Salleh juga melahirkan rasa gembiranya kerana janji Perdana Menteri untuk menggilir-gilirkan jawatan itu telah dapat dilaksanakan.

Harris, yang pernah menjadi Ketua Menteri selama 10 tahun ketika parti Berjaya memerintah negeri itu sehingga 1985, berkata penggiliran jawatan berkenaan kini menjadi kenyataan dan barisan pentadbiran baru kerajaan negeri perlu melakukan yang terbaik daripada sistem itu.

Mereka yang tidak bersetuju dengan cadangan penggiliran itu pula perlu menerima hakikat dan memberi sokongan kepada barisan kabinet negeri yang baru, katanya.

Setiausaha Agung Dewan Perniagaan Cina Sabah (SUCCC), Datuk Chong Kon Fui juga yakin Yong akan mengetuai satu kerajaan yang berjaya tetapi dengan syarat beliau mendapat sokongan dan kerjasama semua pihak.

"Kita yakin beliau boleh melaksanakan tugasnya dengan berkesan dalam melaksanakan program pembangunan di Sabah," katanya.

Chong berkata Yong telah menunjukkan prestasi kerja yang baik ketika memegang jawatan menteri sebelum ini, oleh itu beliau harus mendapat sokongan semua lapisan masyarakat.

Sokongan seperti yang dinikmati oleh Salleh sebelum ini perlu diteruskan kepada Ketua Menteri baru itu bagi memastikan pentadbiran dan pembangunan berjalan lancar demi faedah semua rakyat, katanya.

-- BERNAMA

TM NMO